



Pengaruh kawalan kendiri, pencarian sensasi dan pengherotan kognitif terhadap sikap pro-jenayah dalam kalangan belia institusi pengajian tinggi di Malaysia

Ang Shu Yen¹, Mohammad Rahim Kamaluddin^{1*}, Norruzeyati Che Mohd Nasir², Roseliza-Murni AbRahman¹, Balan Rathakrishnan³

¹Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

²Pusat Pengajian Psikologi dan Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Kolej Sastera dan Sains,
Universiti Utara Malaysia

³Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

Correspondence: Mohammad Rahim Kamaluddin (email: rahimk@ukm.edu.my)

Received: 24 October 2020; Accepted: 06 May 2021; Published: 29 May 2021

Abstrak

Banyak kajian lepas di Barat membuktikan faktor psikologikal menjadi asas kepada pembentukan sikap pro-jenayah dalam kalangan individu. Walau bagaimanapun, kajian yang mengaitkan faktor psikologikal dan sikap pro-jenayah masih terhad dalam konteks Malaysia. Justeru, kajian ini bertujuan mengenal pasti hubungan serta pengaruh tiga faktor psikologikal iaitu kawalan kendiri, pencarian sensasi dan pengherotan kognitif terhadap sikap pro-jenayah dalam kalangan belia di Malaysia. Kajian menggunakan reka bentuk kuantitatif melalui pendekatan tinjauan dan penggunaan soal selidik yang mengandungi empat instrumen iaitu *Self-Control Scale Malay Version*, *Brief Sensation Seeking Scale (BSSS-8)*, *How I Think Questionnaire Malay Version (HITQ-M)* dan *Measures of Criminal Attitudes and Associates (MCAA)*. Seramai 385 belia direkrut dari seluruh Malaysia dengan menggunakan kaedah persampelan rawak. Dapatkan kajian menunjukkan ketiga faktor psikologikal (kawalan kendiri, pencarian sensasi dan pengherotan kognitif) mempunyai hubungan signifikan yang positif dengan sikap pro-jenayah. Analisis regresi pelbagai pula menunjukkan ketiga faktor psikologikal memberi pengaruh sebanyak 17.9% terhadap sikap pro-jenayah di mana pengherotan kognitif merupakan peramal signifikan yang paling kuat. Malah pengherotan kognitif juga merupakan faktor yang paling kuat berkait dengan sikap pro-jenayah. Dapatkan kajian sangat bermanfaat dalam usaha memahami sikap pro-jenayah dari sudut psikologi. Dapatkan kajian juga sangat diperlukan kepada profesion menolong seperti ahli psikologi, pekerja sosial dan kaunselor dalam membangunkan modul intervensi awal bagi individu yang berisiko tinggi kepada tingkah laku jenayah.

Kata kunci: Belia, faktor psikologikal, kawalan kendiri, pencarian sensasi, pengherotan kognitif, sikap pro-jenayah

Influence of self-control, sensation seeking and cognitive distortion towards pro-criminal attitudes among Malaysian youths from higher education institutions

Abstract

Many recent studies in the West have shown that psychological factors as the basis for the formation of pro-criminal attitudes among individuals. However, studies linking psychological factors and pro-criminal attitudes are still limited in the Malaysian context. Therefore, this study aimed to identify the relationship of three psychological factors namely: self-control, sensation seeking and cognitive distortion; towards pro-criminal attitudes among Malaysian youths. This study used quantitative design through a survey approach using four validated instruments namely: Self-Control Scale Malay Version, Brief Sensation Seeking Scale (BSSS-8), How I Think Questionnaire Malay Version (HITQ-M) and Measures of Criminal Attitudes and Associates (MCAA). A total of 385 youths were recruited from all over Malaysia using a random sampling method. The findings showed that three psychological factors (self-control, sensation seeking and cognitive distortion) were significantly associated with pro-criminal attitudes. Multiple regression analysis revealed that all three psychological factors contributed 17.9% towards pro-criminal attitudes, where cognitive distortion was identified as the strongest predictor. Cognitive distortion has also been shown to have the strongest relationship with pro-criminal attitude. The findings of this study are very useful in understanding pro-criminal attitudes from a psychological point of view. The findings would be indispensable to assisting professions such as psychologists, social workers and counsellors in designing intervention modules for individuals at high risk for criminal behaviour.

Keywords: Youth, psychological factors, self-control, sensation seeking, cognitive distortion, pro-criminal attitudes

Pengenalan

Kita sering dikejutkan dengan kes jenayah yang berlaku dalam negara sehingga menimbulkan perasaan tidak selamat dan bimbang dalam kalangan masyarakat. Menurut Bartol (2002), jenayah ditakrifkan sebagai tindakan pelanggaran undang-undang yang disengajakan; dan pelaku dihukum oleh pihak berkuasa sebagai balasan di atas pelanggaran undang-undang tersebut. Jenayah yang berlaku di Malaysia boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu jenayah harta benda dan jenayah kekerasan (Amar Singh, 2005). Jenayah kekerasan dan harta benda bukan sahaja melibatkan belia sebagai mangsa malah keterlibatan mereka sebagai pelaku juga amat membimbangkan. Jenayah kekerasan yang dilakukan oleh belia digambarkan lebih kejam dan dahsyat sehingga tidak menghiraukan kesan kepada diri, mangsa atau keluarga mangsa. Mengikut statistik banduan belia sabitan yang dikeluarkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (2017), jumlah banduan belia telah meningkat dari 8,672 (tahun 2016) kepada 31,284 (tahun 2017). Penyalahgunaan dadah merupakan jenayah yang sering dilakukan oleh golongan belia. Dalam statistik yang dikeluarkan oleh AADK (Agensi Anti Dadah Kebangsaan) pada tahun 2019,

keterlibatan golongan belia dalam penyalahgunaan dadah telah meningkat pada tahun 2019 (96,773) berbanding tahun 2018 (90,660).

Walaupun wujudnya peluang untuk melakukan jenayah tanpa mengira lokasi, kelas sosial dan individu namun, terdapat beberapa faktor tertentu yang mendorong individu melakukan jenayah. Menurut Clements dan Neal (2017), terdapat lapan faktor risiko yang meningkatkan kebarangkalian seseorang melakukan jenayah iaitu sejarah tingkah laku jenayah, sikap pro-jenayah, rakan pro-jenayah, personaliti antisosial, kekurangan pencapaian prososial (seperti tahap pendidikan yang rendah), perselisihan keluarga atau masalah dalam perkahwinan, penyalahgunaan dadah dan kekurangan hobi prososial atau aktiviti rekreatif.

Menurut Evans (2017), sikap pro-jenayah menjadi salah satu faktor risiko yang kuat dan peramal yang signifikan kepada tingkah laku jenayah. Sikap pro-jenayah meliputi pemikiran, kepercayaan dan nilai yang menyebabkan seseorang melakukan tingkah laku jenayah (Evans, 2017). Dalam usaha mengkaji punca kepada sikap pro-jenayah, banyak kajian seperti Wiebe (2004), Gottfredson dan Hirschi (1990), Goodman (2000) dan Barriga et al. (2000) membuktikan aspek psikologikal merupakan penyebab kepada tingkah laku ini (Mohammad Rahim et al., 2015). Antara faktor psikologikal yang dikenal pasti sebagai peramal kepada sikap pro-jenayah ialah kawalan kendiri (Callie & Ronald, 2013; Buker, 2011), pencarian sensasi (Amirfakhraei, Taghinejad & Sadeghifar, 2013; Cui et al., 2015) dan pengherotan kognitif (Chereji, Pintea & David, 2012; Chabrol et al., 2011). Kajian tersebut menyimpulkan bahawa faktor psikologikal bertindak sebagai faktor bebas dalam membangun dan membentuk sikap pro-jenayah dalam diri seseorang.

Kawalan kendiri merujuk kepada kebolehan untuk mengubah atau meregulasi emosi dan tingkah laku apabila berhadapan dengan desakan sosial (DeLisi & Vaughn, 2016). Kawalan kendiri merupakan konsep penting dalam menentukan kecenderungan individu terhadap tingkah laku ganas (Buker, 2011). Menurut Laird, Marks dan Marrero (2011), individu yang mempunyai kawalan kendiri yang rendah cenderung untuk melibatkan diri dalam tingkah laku antisosial. Mereka cenderung untuk mendapatkan manfaat segera seperti mencuri duit untuk membeli telefon bimbit yang baru dilancarkan dan gagal mempertimbangkan kesan jangka panjang akibat daripada tingkah laku tersebut iaitu ditangkap atas kesalahan mencuri dan dihukum penjara selama dua tahun. Namun, tahap keagamaan sebagai penyederhanaan boleh mengawal individu daripada melakukan tingkah laku yang berisiko (Grasmick et al., 1993).

Selain faktor kawalan kendiri, terdapat kajian menunjukkan wujudnya pengaruh pencarian sensasi dengan tingkah laku agresif fizikal (Cui et al., 2015; Mohammad Rahim et al., 2015; Shukla & Pradhan, 2015). Pencarian sensasi ialah trait personaliti yang merujuk kepada pengalaman dan pencarian sensasi yang baharu (novel), pelbagai dan kompleks serta kesanggupan individu untuk mengambil risiko secara fizikal dan sosial demi pengalaman tersebut (Zuckerman, 2015). Trait personaliti ini menunjukkan wujudnya kecenderungan untuk menikmati pengalaman baharu dan pengalaman yang merangsangkan individu. Individu dianggap sentiasa menginginkan perubahan, melakukan perkara baharu sebagai refleks daripada pengalaman atau kejadian sebelum ini yang tidak disukai, tertarik dengan perkara baharu atau tidak dijangka serta bersifat kompleks. Individu juga sanggup mengambil risiko yang menunjukkan tingkah laku tersebut mungkin menghasilkan sesuatu yang negatif secara fizikal atau sosial. Kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara skor skala pencarian sensasi yang tinggi dengan penyalahgunaan bahan (seperti marijuana, amphetamine dan dadah halusinogenik) dan tingkah laku seksual dengan berbilang pasangan serta melibatkan diri dengan aktiviti berbahaya (Patton, 2012).

Pengherotan kognitif juga merupakan satu aspek kriminogenik yang mendasari sikap projenayah dan tingkah laku jenayah. Pengherotan kognitif boleh ditakrifkan sebagai pemikiran yang tidak rasional atau bias yang menggalakkan perbuatan jenayah dalam diri seseorang (Rohany Nasir et al., 2016). Barriga et al. (2001) mendefinisikan pengherotan kognitif sebagai cara yang salah atau bias dalam memberi makna kepada sesuatu pengalaman. Dalam konteks jenayah, terma pengherotan kognitif bias swadiri digunakan untuk merujuk kepada pengherotan kendiri yang berkait secara spesifik dengan tingkah laku *externalizing* seperti agresif dan delinkuensi (Barriga et al., 2000). Pengherotan kognitif yang dikaitkan dengan tingkah laku antisosial adalah berasaskan teori pemprosesan maklumat sosial (Rohany Nasir et al., 2016) yang mana pengherotan kognitif dicirikan oleh bias dalam pemprosesan maklumat yang menjadi pengantara di antara rangsangan yang masuk dan respons tingkah laku yang ditunjukkan. Barriga dan Gibbs (1996) membahagikan pengherotan kognitif bias swadiri kepada dua jenis iaitu pengherotan kognitif primer dan pengherotan kognitif sekunder. Pengherotan kognitif primer diwakili oleh sikap mementingkan diri, manakala pengherotan kognitif sekunder diwakili oleh pemikiran yang menyalahkan orang lain, meminimakan atau membuat penglabelan salah, dan mengandaikan sesuatu yang teruk. Penjenayah cenderung mempunyai pengherotan kognitif primer dan melakukan sesuatu berdasarkan kepercayaan bahawa individu boleh melakukan apa sahaja yang mereka mahukan, seolah-olah mereka tidak akan dikenakan tindakan undang-undang.

Menurut Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) (2017), walaupun masyarakat amat marah dan prihatin dengan kes jenayah yang berlaku, namun memberi hukuman yang berat kepada penjenayah merupakan penyelesaian jangka pendek kerana tindakan reaktif tersebut tidak mampu menyelesaikan punca masalah jenayah. Sebagai langkah proaktif, kajian berkaitan punca kepada sikap pro-jenayah perlu dijalankan agar masalah ini dapat dikenal pasti pada peringkat awal lalu ditangani seawal mungkin agar individu tersebut tidak terjebak dalam jenayah. Intervensi awal dan beberapa langkah pencegahan proaktif juga dapat diamalkan sekiranya punca sikap pro-jenayah ini dikenal pasti secara langsung atau secara tidak langsung dengan mengaitkan faktor-faktor psikologikal yang menjadi dasar kepada pembentukan sikap projenayah ini dalam kalangan belia di Malaysia.

Walaupun banyak kajian tentang sikap pro-jenayah telah dijalankan, namun, kajian tempatan masih kurang memberi perhatian terhadap faktor psikologikal; kawalan kendiri, pencarian sensasi dan pengherotan negatif, apatah lagi menggabungkan ketiga-tiga faktor tersebut dalam peramalan sikap pro-jenayah. Dapatkan kajian di luar negara mungkin tidak boleh diaplikasikan atau digeneralisasikan dalam konteks tempatan disebabkan wujudnya perbezaan budaya yang mencakupi norma-noma, nilai, kepercayaan, amalan dan ekspresi yang berbeza antara satu tempat dengan tempat yang lain. Konsep *case-to-case* transfer yang diperkenalkan oleh Firestone (1993) iaitu sesuatu hasil kajian dapat digeneralisasikan daripada satu kajian kepada kumpulan individu atau tempat yang berbeza perlu mengambil kira latar sosio budaya sesebuah masyarakat. Sesuatu kajian juga mestilah menunjukkan wujudnya *proximal similarity* berdasarkan masa, orang, lokasi/tempat, konteks sosiopolitik yang hampir sama dengan kajian asal (Campbell, 1986).

Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh faktor psikologikal terhadap sikap pro-jenayah dan perbezaan tahap sikap pro-jenayah mengikut jantina dalam kalangan belia di Malaysia. Dalam kajian ini, tiga faktor iaitu kawalan kendiri, pencarian sensasi dan pengherotan kognitif dioperasikan sebagai faktor psikologikal. Manakala, belia dalam kajian ini merujuk kepada mereka yang berumur dari 18 tahun sehingga umur 40. Dasar Pembangunan Belia Negara mengklasifikasikan belia sebagai individu yang berumur 15 hingga 40 tahun. Sehubungan itu,

kumpulan umur 18 tahun hingga 40 tahun adalah relevan untuk dijadikan responden dalam kajian ini. Justeru, belia dari institusi pengajian tinggi dijadikan sampel untuk kajian ini.

Metodologi

Reka bentuk

Kajian kuantitatif ini menggunakan reka bentuk kajian keratan rentas melalui kaedah tinjauan. Pengumpulan data kuantitatif daripada sampel kajian adalah menggunakan instrumen soal selidik bagi menguji hipotesis yang telah dibentuk oleh pengkaji. Responden kajian terdiri daripada belia yang direkrut dengan menggunakan kaedah persampelan mudah. Penyertaan dalam kajian ini adalah secara sukarela dan para responden telah dimaklumkan terlebih dahulu dengan tujuan serta maklumat tentang kajian. Data yang dikumpul dianalisis dengan menggunakan perisian IBM *Statistical Package for Social Sciences* versi 24.0.

Responden

Seramai 385 belia dari institusi pengajian tinggi secara sukarela telah menyertai kajian ini. Majoriti responden dalam kajian ini terdiri daripada golongan yang berumur 23 tahun ($n = 174$, 45.2%) dengan min umur ialah 23.45 tahun ($S.P = 2.63$). Majoriti responden dalam kajian ini adalah perempuan ($n = 273$, 70.9%) dan masih bujang ($n = 369$, 95.85%).

Soal selidik

Satu set soal selidik telah dibentuk dengan menggabungkan profil demografi seperti umur, jantina, etnik dan latar belakang pendidikan dengan empat instrumen psikometrik yang telah disahkan dalam konteks negara Malaysia. Empat instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah selaras dengan skop kajian iaitu: *Self Control Scale Malay Version*, *Brief Sensation Seeking Scale*, *How I Think Questionnaire Malay Version* dan *Measures of Criminal Attitudes and Associates*. Perincian setiap instrumen adalah seperti berikut.

a. *Self-control Scale Malay version (SCS-M)*

Dalam kajian ini, versi *Self-Control Scale* dalam Bahasa Melayu (SCS-M) telah ditadbir bagi mengukur tahap kawalan kendiri responden. Instrumen SCS-M adalah versi Melayu bagi *Self-Control Scale* yang telah dibangunkan oleh Grasmick et al. (1993). Versi asal ini telah diterjemahkan dan disahkan dalam Bahasa Melayu dengan nilai ketekalan dalaman adalah $\alpha=0.80$ (Mohammad Rahim, Nadiah Syariani & Geshina Ayu Mat Saat, 2013). Instrumen ini terdiri daripada 13 item yang berskala likert lima mata dan dioperasikan secara unidimensional (Mohammad Rahim, Nadiah Syariani & Geshina Ayu Mat Saat, 2013). Dalam kajian ini, skor yang tinggi menunjukkan tahap kawalan kendiri yang rendah manakala skor yang rendah menunjukkan tahap kawalan kendiri yang tinggi.

b. *Brief Sensation Seeking scale (BSSS-8)*

Instrumen seterusnya yang digunakan dalam kajian ini ialah *Brief Sensation Seeking Scale (BSSS-8)* bagi mengukur tahap pencarian sensasi dengan menggunakan lapan item. Instrumen ini adalah versi pendek bagi *Sensation Seeking Scale (SSS-V)* yang dibangunkan oleh Zuckerman (1979). Instrumen ini berbentuk skala likert lima mata di mana skor yang semakin tinggi menunjukkan tahap pencarian sensasi yang tinggi dan sebaliknya. Nilai ketekalan dalaman bagi BSSS-8 dalam Bahasa Melayu adalah tinggi iaitu $\alpha = 0.76$. Instrumen ini ditadbir dan dioperasikan sebagai skala unidimensional.

c. *How I Think Questionnaire Malay version (HITQ-M)*

How I Think Questionnaire Malay Version (HITQ-M) pula digunakan untuk mengukur tahap pengherotan kognitif dalam kalangan responden. Instrumen ini dibangunkan oleh Barriga et al. (2001) dan kemudiannya diterjemahkan dalam bahasa Melayu oleh Mohammad Rahim et al. (2013). Terdapat 24 item dalam HITQ-M dan soalannya berbentuk skala likert lima mata di mana skor yang tinggi menunjukkan tahap pengherotan kognitif yang tinggi dalam kalangan responden. Nilai ketekalan dalaman instrumen versi Bahasa Melayu adalah tinggi iaitu $\alpha = 0.90$. Dalam kajian ini, skala ini dioperasikan sebagai skala unidimensional.

d. *Measures of Criminal Attitudes and Associates (MCAA)*

Instrumen terakhir yang digunakan dalam kajian ini ialah *Measures of Criminal Attitudes and Associates (MCAA)* bagi mengukur tahap sikap pro-jenayah dalam kalangan responden. Instrumen ini dibangunkan oleh Mills, Kroner dan Forth (2002) bagi menilai sikap antisosial dan sifat pro-jenayah. Nilai kebolehpercayaan secara keseluruhan bagi MCAA adalah baik iaitu $\alpha = 0.81$ dengan menggunakan cara uji semula (Mills, Kroner & Forth, 2002). Dalam kajian ini, nilai ketekalan dalaman adalah baik iaitu $\alpha = 0.80$.

Kajian rintis

Sebelum melakukan kajian sebenar, satu kajian rintis telah dijalankan bagi menentukan nilai kebolehpercayaan instrumen yang digunakan dalam kajian ini. Kajian rintis ini melibatkan 35 responden yang terdiri daripada belia dari negeri Selangor yang berumur 18 hingga 21 tahun. Responden yang telah mengambil bahagian dalam kajian rintis ini tidak dibenarkan lagi untuk menyertai kajian sebenar. Secara amnya, nilai kebolehpercayaan instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah baik seperti mana yang dilaporkan dalam bahagian instrumen di atas.

Dapatan kajian

Objektif 1: Mengkaji hubungan antara kawalan kendiri, pencarian sensasi, pengherotan kognitif dan sikap pro-jenayah dalam kalangan belia

Bagi menjawab objektif pertama, ujian korelasi telah dijalankan untuk mengenal pasti ada wujud atau tidak hubungan antara pembolehubah-pembolehubah yang dikaji. Ujian korelasi

Pearson iaitu ujian parametrik telah dipilih setelah mendapati ketaburan data setiap pembolehubah adalah normal menerusi ujian Kurtosis dan Skewness. Hasil analisis korelasi Pearson mendapati kesemua pembolehubah dalam kajian ini mempunyai hubungan yang sangat signifikan antara satu sama lain sepetimana diperihalkan dalam Jadual 1.

Analisis korelasi Pearson antara kawalan kendiri dengan pencarian sensasi menunjukkan hubungan positif yang lemah dan sangat signifikan. Nilai pekali Pearson bagi kawalan kendiri dengan pencarian sensasi ialah $r = .246$, $p < 0.001$. Oleh sebab skala kawalan kendiri adalah pengkedon secara terbalik, skor yang tinggi mewakili tahap kawalan kendiri yang rendah maka dapatan menunjukkan semakin tinggi skor kawalan kendiri (tahap kawalan kendiri rendah) semakin tinggi tahap pencarian sensasi dalam kalangan responden dan sebaliknya. Di samping itu, kawalan kendiri dengan pengherotan kognitif juga menunjukkan hubungan positif yang sederhana dan sangat signifikan. Nilai pekali Pearson bagi kawalan kendiri dengan pengherotan kognitif adalah $r = .425$, $p < 0.001$. Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa apabila skor kawalan kendiri yang tinggi (tahap kawalan kendiri yang rendah) meningkat, maka tahap pengherotan kognitif turut meningkat dan sebaliknya. Berikutnya, hubungan antara pencarian sensasi dan pengherotan kognitif menunjukkan hubungan yang sederhana positif dan sangat signifikan antara satu sama lain ($r = 0.45$, $p < 0.001$) iaitu apabila tahap pencarian sensasi meningkat, pengherotan kognitif juga turut meningkat dan sebaliknya.

Seterusnya, hubungan antara kawalan kendiri dan sikap pro-jenayah menunjukkan nilai pekali Pearson (r) yang agak rendah iaitu 0.17 tetapi hubungan positif serta signifikan ($p < 0.05$). Analisis pekali Pearson antara pencarian sensasi dengan sikap pro-jenayah pula menunjukkan hubungan positif lemah tetapi signifikan di mana nilai pekali korelasi Pearson adalah $r = 0.28$, $p < 0.001$. Ini menunjukkan peningkatan pencarian sensasi turut meningkatkan sifat pro-jenayah dalam diri seseorang dan sebaliknya. Akhir sekali, analisis pekali Pearson antara pengherotan kognitif dengan sikap pro-jenayah menunjukkan hubungan positif sederhana yang sangat signifikan. Nilai pekali Pearson bagi pencarian sensasi dengan sikap pro-jenayah adalah $r = 0.41$, $p < 0.001$ di mana semakin tinggi pengherotan kognitif, semakin tinggi sikap pro-jenayah dan sebaliknya.

Jadual 1. Ujian korelasi

Pemboleh Ubah	Kawalan Kendiri	Pencarian Sensasi	Pengherotan Kognitif
Kawalan Kendiri	-	-	-
Pencarian Sensasi	.246**	-	-
Pengherotan Kognitif	.425**	.447**	-
Sikap Pro-jenayah	.167**	.279**	.409**

**signifikan pada aras 0.001

*signifikan pada aras 0.05

Objektif 2: Menguji Pengaruh Kawalan Kendiri, Pencarian Sensasi Dan Pengherotan Kognitif Terhadap Sikap Pro-Jenayah Dalam Kalangan Belia

Analisis regresi linear pelbagai (*multiple linear regression*) telah dijalankan bagi mengkaji pengaruh serentak kawalan kendiri, pencarian sensasi dan pengherotan kognitif terhadap sikap pro-jenayah dalam kalangan belia. Oleh sebab analisis korelasi menunjukkan kesemua pemboleh ubah bebas iaitu kawalan kendiri, pencarian sensasi dan pengherotan kognitif mempunyai korelasi signifikan dengan sikap pro-jenayah, maka kesemua pemboleh ubah dimasukkan sebagai pemboleh ubah bebas dalam analisis regresi linear pelbagai manakala sikap pro-jenayah

dioperasikan sebagai pemboleh ubah bersandar. Analisis ini dijalankan bagi mengenal pasti pengaruh ketiga-tiga pemboleh ubah (kawalan kendiri, pencarian sensasi dan pengherotan kognitif) terhadap sikap pro-jenayah dalam kalangan belia. Analisis mendapat nilai R² ketiga-tiga pemboleh ubah terhadap sikap pro-jenayah ialah .179 atau 17.9%. Dalam erti kata lain, ketiga-tiga pemboleh ubah bebas ini memberi sumbangan sebanyak 17.9% terhadap sikap pro-jenayah dalam kalangan sampel kajian ini. Nilai dalam jadual ANOVA menunjukkan pembolehubah peramal boleh meramal pemboleh ubah terikat secara signifikan dengan $F(3, 81) = 27.707$, $p < 0.05$. Pengherotan kognitif ($\beta = 0.362$, $p < 0.05$) adalah peramal terbaik yang signifikan berbanding dengan kawalan kendiri ($\beta = -0.017$, $p > 0.05$) dan pencarian sensasi ($\beta = .121$, $p < 0.05$) dengan nilai keseluruhan $R^2 = .179$. Jadual 2 menunjukkan daptan analisis regresi linear pelbagai.

Jadual 2. Keputusan ujian regresi linear pelbagai.

Ringkasan Model							
Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate			
1	.423 ^a	.179	.173	5.919			
a. Peramal: (Tetap), Pengherotan kognitif, Kawalan kendiri, Pencarian sensasi							
ANOVA ^a							
Model	Jumlah Kuasa dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.		
1	Regresi	2912.389	3	970.796	27.707		
	Residual	13349.600	381	35.038			
	Total	16261.990	384				
a. Pemboleh ubah terikat: Sikap pro-Jenayah							
b. Peramal: (Tetap), Kawalan Kendiri, Pengherotan kognitif, Pencarian sensasi							
Koefisien ^a							
Koefisien tidak berpiawai Koefisien berpiawai							
Model	B	Ralat Piawai	Beta	t	Sig.		
1	(Tetap)	48.555	2.096	23.163	.000		
	Kawalan Kendiri	-.023	.069	-.017	.735		
	Pencarian Sensasi	.131	.056	.121	.020		
	Pengherotan Kognitif	.143	.022	.362	.000		

a. Pemboleh ubah terikat: Sikap pro-jenayah

Perbincangan dan implikasi kajian

Secara amnya, sikap pro-jenayah boleh diertikan sebagai pemikiran, kepercayaan dan nilai yang menyebabkan seseorang melakukan jenayah. Banyak kajian di luar negara telah dijalankan bagi mengkaji faktor psikologikal; kawalan kendiri, pencarian sensasi dan pengherotan kognitif, terhadap pembentukan sikap pro-jenayah secara berasingan. Namun begitu kajian tentang faktor psikologikal yang menggabungkan ketiga-tiga pemboleh ubah ini masih terhad dalam disiplin kriminologi di luar negara apatah lagi dalam konteks negara Malaysia. Faktor psikologikal terutamanya pengherotan kognitif mempunyai hubungan yang signifikan dengan sikap pro-jenayah. Malah, kajian ini mendapat pengherotan kognitif juga menjadi peramal signifikan yang

paling kuat kepada sikap pro-jenayah berbanding dengan kawalan kendiri dan pencarian sensasi. Belia yang mempunyai pemikiran terherot cenderung untuk bersikap bias atau membuat keputusan yang tidak tepat apabila berdepan dengan sesuatu masalah. Mereka juga cenderung untuk merasionalkan sesuatu tingkah laku antisosial. Dapatkan ini menyokong hujah Barriga dan Gibbs (1996) bahawa penilaian yang tidak tepat ini menyebabkan seseorang individu merasionalkan tingkah laku mereka lalu melakukan aktiviti jenayah. Dapatkan kajian adalah selari dengan beberapa kajian tempatan yang menunjukkan pengherotan kognitif menjadi peramal signifikan kepada tingkah laku agresif dalam kalangan pembunuh (Mohammad Rahim et al., 2014) dan kecenderungan belia ke arah gejala ekstremisme (Mohd Hizam & Zainah, 2019).

Secara amnya, banyak kajian kriminologi dan psikologi telah membuktikan bahawa faktor kognitif seseorang individu banyak mempengaruhi tingkah laku jenayah dalam diri seseorang. Dalam hal ini, pengherotan kognitif dianggap sebagai satu faktor asas kepada pembentukan sikap pro-jenayah. Perlu diingatkan bahawa konsep pengherotan kognitif ini berbeza dengan istilah tidak siuman atau insaniti kerana isunya bukan hilang akal malah penggunaan justifikasi yang kurang wajar bagi mengiyakan perbuatan jenayah. Banyak kajian luar negara telah membuktikan pengherotan kognitif sebagai asas kepada tingkah laku jenayah dan sikap pro-jenayah. Kajian Barriga et al. (2000) membuktikan bahawa pesalah juvana mempunyai tahap pengherotan kognitif yang lebih tinggi berbanding dengan mereka yang bukan juvana. Secara amnya, pengherotan kognitif boleh dilabelkan sebagai pemikiran yang rosak atau bias (Rohany Nasir et al., 2016).

Menurut Rohany Nasir et al. (2016) dan Mohammad Rahim et al. (2015), pengherotan kognitif dianggap sebagai faktor psiko-kriminogenik yang kuat kepada tingkah laku jenayah dalam seseorang individu. Kajian tempatan dalam kalangan pembunuh di Malaysia turut membuktikan pengherotan kognitif sebagai faktor kepada perilaku jenayah. Merujuk kepada Mohammad Rahim et al. (2014), pengherotan kognitif juga menjadi peramal signifikan kepada tingkah laku agresif dalam kalangan pembunuh di Malaysia. Dalam konteks keterlibatan dalam kegiatan ekstremisme, pengherotan kognitif turut menjadi pengaruh signifikan kepada keterlibatan dan kecenderungan ke arah gejala ekstremisme (Mohd Hizam Hanafiah & Zainah Shariff, 2019). Kajian yang dilakukan dalam kalangan belia ekstremis mendapat para belia yang menerima ekstremisme mempamerkan tahap pengherotan yang lebih tinggi berbanding dengan mereka yang kurang menerima konsep ekstremisme. Di samping itu, pengherotan kognitif juga membantu belia ekstremis ini untuk tidak berasa serba salah dengan menyertai mana-mana kumpulan ekstremisme kerana pelbagai alasan yang tidak diwajar diberikan oleh golongan ini agar mereka dapat meneruskan keterlibatan dalam ekstremisme (Mohd Hizam Hanafiah & Zainah Shariff, 2019).

Hasil analisis juga mendapat pencarian sensasi mempunyai hubungan signifikan serta menjadi peramal kepada sikap pro-jenayah dengan signifikan. Dapatkan ini memberi gambaran bahawa responden kajian lebih terarah kepada sikap dan tingkah laku yang ingin mencuba perkara baharu atau mengambil tingkah laku berisiko yang bertentangan dengan norma-norma sosial masyarakat atau mempunyai sikap pro-jenayah. Sikap ini didorong oleh rangsangan emosi berbanding pemikiran yang rasional (Zuckerman, 2015). Belia yang mempamerkan sikap pencarian sensasi yang tinggi akan menjadi seorang yang impulsif iaitu mengutamakan keseronokan daripada sesuatu tingkah laku berbanding kesan atau risiko yang bakal diperolehi. Dapatkan kajian ini adalah selari dengan dapatkan kajian lepas di mana sikap pencarian sensasi yang tinggi mempunyai kaitan dengan tingkah laku berisiko (Mohammad Rahim et al., 2015). Amirfakhraei, Taghinejad & Sadeghifar, 2013; Zamani-Alavijeh et al., 2009).

Menurut Ali Arab (2015), pencarian sensasi dicirikan sebagai keinginan untuk mencuba perkara baharu, perasaan kompleks, berkeinginan untuk mengambil risiko fizikal dan sosial.

Apabila individu tidak mempunyai tahap rangsangan yang mencukupi, individu tersebut cuba untuk mendapatkan rangsangan sensori dan pengalaman baharu dalam persekitaran yang pelbagai dan kompleks. Teori pencarian sensasi yang dibangunkan oleh Zuckerman (1979) menyatakan bahawa individu yang mempunyai tahap pencarian sensasi tinggi akan mempersepsikan sensasi dan pengalaman sebagai sesuatu yang berpadanan untuk mengambil risiko kerana mereka berasa bosan melakukan aktiviti yang boleh dijangka dan berulang. Selain itu, semakin tinggi keinginan seseorang untuk melibatkan diri dalam tingkah laku pencarian sensasi, semakin banyak tingkah laku mereka yang menjadi tidak konsisten dengan apa yang dijangkakan oleh norma sosial termasuklah jenayah (Amirfakhraei, Taghinejad & Sadeghifar, 2013). Menurut Zuckerman (2015), individu yang memamerkan sifat pencarian sensasi yang tinggi mempunyai persediaan yang rendah serta mudah terjebak dengan tindakan impulsif. Dalam konteks ini, tindakan impulsif boleh dirujuk kepada tindakan yang pantas dan spontan yang dilakukan atas dasar rangsangan emosi berbanding pemikiran yang rasional (Zuckerman, 2015). Justeru, individu yang mempunyai pencarian sensasi yang tinggi juga akan menjadi seorang yang impulsif dimana mereka adalah individu yang tidak memikirkan akibat, kesan serta risiko yang berkemungkinan akan berlaku akibat daripada perbuatan mereka. Keseronakan dan ‘thrill’ menjadi keutamaan kepada individu yang mempunyai tahap pencarian sensasi yang tinggi (Zuckerman, 2015).

Kajian menunjukkan bahawa banyak tingkah laku patologi seperti tingkah laku memandu yang berisiko dan melebihi had laju adalah disebabkan oleh peranan pencarian sensasi dalam diri belia (Amirfakhraei, Taghinejad & Sadeghifar, 2013; Zamani-Alavijeh et al., 2009). Kajian lepas juga menunjukkan individu yang mempunyai pencarian sensasi yang tinggi cenderung untuk melibatkan diri dalam tingkah laku yang berisiko seperti meneroka tempat yang pelik, membuat perkara yang menakutkan, suka menyertai parti liar dan bebas serta ingin mendapat pengalaman yang baru dan menyeronokkan walaupun salah di sisi undang-undang. Individu dengan pencarian sensasi tinggi turut memamerkan keinginan yang lebih tinggi untuk terlibat dalam aktiviti mengambil risiko demi memenuhi keperluan mereka dalam sensasi yang ekstrim untuk mengelakkan rasa bosan. Ini secara langsung menyebabkan mereka untuk turut terlibat dalam gejala sosial dan jenayah (Mohammad Rahim et al., 2015). Berdasarkan perincian sifat individu yang mempunyai tahap pencarian sensasi yang tinggi, ia jelas menunjukkan bahawa pencarian sensasi menjadi punca kepada tingkah laku jenayah dan sikap pro-jenayah.

Hasil daptan kajian ini menunjukkan bahawa kawalan kendiri mempunyai hubungan korelasi yang signifikan dengan sikap pro-jenayah. Daptan ini menyokong hujah Gottfredson dan Hirschi (1990) iaitu kawalan kendiri adalah peramal utama kepada perlakuan jenayah dan sikap pro-jenayah. Ciri-ciri kawalan kendiri yang mendorong kepada sikap pro-jenayah ialah sikap mementingkan diri/kecintaan kepada diri sendiri (narsistik), impulsif, agresif, tidak sabar, tidak dapat menangguhkan kehendak/kepuasan diri, suka melakukan sesuatu yang mudah dan mendapat hasil yang cepat berbanding melakukan sesuatu yang membawa hasil menguntungkan pada jangka panjang. Kajian lepas menunjukkan kawalan kendiri yang rendah berkait dengan tingkah laku devian dan tingkah laku ketagihan bahan (Schildberg-Hörisch, 2017; Ridder et al., 2012). Belia yang mempunyai kawalan diri yang rendah berdepan dengan kesukaran untuk mengawal pemikiran dan emosi mereka. Kegagalan belia mengawal pemikiran dan emosi boleh mendorong kepada kesilapan dalam membuat sesuatu keputusan. Selain itu, kawalan kendiri yang rendah menyumbang kepada masalah kesihatan fizikal, kemurungan yang teruk, kebergantungan kepada dadah, status sosio-ekonomi rendah, berpendapatan rendah dan lebih banyak sabitan kes jenayah.

Menurut Gottfredson dan Hirschi (1990), individu dengan kawalan kendiri rendah cenderung untuk melihat manfaat segera dan gagal untuk mempertimbangkan kesan jangka

panjang akibat tindakan yang diambil itu serta tidak mempertimbangkan bagaimana tingkah laku mereka boleh memberi kesan kepada orang lain. Sebaliknya, individu dengan kawalan kendiri tinggi pula mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk terlibat dalam aktiviti berisiko dan jenayah. Ini dibuktikan apabila kajian yang dilakukan oleh Friehe dan Schildberg-Hörisch (2017) mendapati bahawa subjek yang mempunyai kawalan kendiri rendah lebih cenderung untuk mengambil risiko dan terlibat dalam perbuatan jenayah berbanding dengan mereka yang mempunyai kawalan kendiri yang lebih tinggi. Selain itu, kajian meta-analisis yang dijalankan oleh De Ridder et al. (2012) berfokus kepada hubungan antara kawalan kendiri dan beberapa hasil tingkah laku termasuklah kesejahteraan, tingkah laku devian, tingkah laku ketagihan, pencapaian akademik dan pekerjaan, dan kefungsian interpersonal. Hasil kajian mendapati bahawa kawalan kendiri berkait dengan tingkah laku devian dan tingkah laku ketagihan secara konsisten berbanding dengan tingkah laku lain. Kajian tersebut juga menunjukkan bahawa orang yang mempunyai kawalan kendiri yang tinggi dapat mengawal pemikiran, emosi, dan bertindak secara impulsif berbanding dengan individu yang mempunyai kawalan kendiri yang rendah. Walaupun banyak kajian mendapati kawalan kendiri memberi pengaruh kepada sikap pro-jenayah, namun begitu, dapatan kajian menunjukkan kawalan kendiri tidak mempunyai pengaruh signifikan walaupun pada asalnya memperkenalkan hubungan signifikan dengan sikap pro-jenayah. Ini memberikan ruang kepada penyelidik untuk mengkaji peranan kawalan kendiri dalam pembentukan sikap pro-jenayah, sama ada sebagai pemboleh ubah perantara atau penyederhana. Dapatan kajian disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Laird, Marks dan Marrero (2011) dimana individu yang mempunyai kawalan kendiri yang rendah lebih cenderung melibatkan diri dalam tingkah laku antisosial seperti jenayah berbanding dengan individu yang mempunyai kawalan kendiri yang lebih tinggi. Namun begitu, tahap keagamaan yang tinggi dianggap dapat mengawal individu daripada melakukan tingkah laku yang berisiko walaupun mempunyai tahap kawalan kendiri yang tinggi. Ini bermakna pengaruh kawalan kendiri juga bergantung kepada faktor lain seperti faktor keagamaan.

Kajian ini telah menyumbang kepada implikasi teoretikal terutamanya dalam disiplin kriminologi, pembentukan instrumen dan strategi intervensi yang bersesuaian. Walaupun terdapat kajian yang telah mengkaji tentang hubungan kawalan kendiri, pencarian sensasi dan pengherotan kognitif dalam konteks tingkah laku jenayah, namun tiada kajian lagi yang mengabungkan ketiga-tiga faktor psikologikal (kawalan kendiri, pencarian sensasi dan pengherotan kognitif) dalam mengkaji pengaruh terhadap sikap pro-jenayah. Selain itu, kajian ini juga memberi input baharu kepada literatur tempatan berkaitan tingkah laku jenayah dan sikap pro-jenayah yang masih terhad. Dapatan kajian juga mempunyai implikasi praktikal di mana instrumen yang digunakan dalam kajian ini boleh digunakan sebagai alat saringan bagi mengenal pasti kecenderungan sikap pro-jenayah dalam kalangan pengambil ujian khususnya mereka yang ingin memohon jawatan kritikal yang melibatkan aspek keselamatan. Instrumen tersebut juga sesuai digunakan oleh pihak sekolah dan universiti bagi mengesan trait personaliti khususnya dalam kalangan belia awal (15-18 tahun) dan beliau pertengahan (19-24 tahun) melalui ujian saringan yang boleh dilakukan peringkat awal kemasukan ke sekolah atau universiti. Pengesahan awal tentang trait personaliti pro-jenayah memberi input penting kepada unit kaunseling dalam merangka program yang bersesuaian di peringkat mikro, mezzo dan makro. Misalnya, program yang menggunakan pendekatan psikopendidikan dapat membantu belia dalam penyelesaian masalah dan membuat keputusan yang rasional. Usaha pencegahan secara proaktif bukan sahaja digalakkan malah dapat membantu mereka daripada terjebak dalam perilaku jenayah. Dapatan kajian ini juga boleh digunakan sebagai asas kepada perangkaan dan pembangunan modul intervensi awal kepada individu berisiko bagi

menangani sikap pro-jenayah di peringkat kanak-kanak lagi. Sudah semestinya, intervensi awal mampu menjadi salah satu faktor pelindung kepada individu berisiko agar mereka tidak terjebak dalam kegiatan jenayah apabila dewasa.

Cadangan dan kesimpulan

Golongan belia sering dilihat sebagai pewaris kepada kepimpinan, pembangunan dan kesejahteraan sesebuah negara. Justeru, golongan belia ini perlu dipastikan agar mereka cemerlang dan bitara dalam pelbagai aspek seperti akademik, kemahiran, sahsiah dan lain-lain kualiti diri yang diperlukan untuk menyambung tugas dan tanggung jawab sebagai pewaris dan bakal pemimpin negara. Walau bagaimanapun, usaha ini bukan suatu perkara yang mudah kerana perkembangan dunia tanpa sempadan menjanjikan pelbagai cabaran dan tekanan yang lebih hebat untuk golongan belia ini. Antara cabaran getir yang boleh membantutkan usaha menyediakan pewaris ini ialah keterlibatan dalam aktiviti jenayah dalam kalangan belia di Malaysia. Banyak kes jenayah di Malaysia telah membabitkan belia sebagai pelaku dan juga mangsa jenayah. Walaupun pelbagai faktor dikaitkan dengan aktiviti jenayah, sikap pro-jenayah sering dilihat sebagai asas kepada pembentukan tingkah laku ini.

Secara kesimpulannya, kajian ini berjaya mengenal pasti hubungan antara tiga pemboleh ubah iaitu kawalan kendiri, pencarian sensasi dan pengherotan kognitif dengan sikap pro-jenayah dalam kalangan belia di Malaysia. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga faktor psikologikal ini mempunyai hubungan signifikan dengan sikap pro-jenayah, manakala, analisis ujian regresi pelbagai pula menunjukkan ketiga-tiga faktor tersebut mempunyai pengaruh sebanyak 17.9% terhadap sikap pro-jenayah dengan pengherotan kognitif sebagai peramal terbaik. Ini secara jelas menunjukkan ada faktor lain yang memberi pengaruh besar kepada sikap pro-jenayah selain ketiga-tiga faktor diatas. Sebagai cadangan untuk kajian akan datang, penyelidik perlu memfokuskan pada faktor psikologikal lain seperti impulsif, penghargaan diri dan empati yang mampu memberi pengaruh besar kepada sikap pro-jenayah. Cadangan kedua yang diutarakan dalam kajian ini ialah pengoperasian faktor kawalan kendiri sebagai faktor perantara atau penyederhanaan dalam hubungan antara faktor psikologikal dan sikap pro-jenayah.

Rujukan

- Agensi Antidadah Kebangsaan. (2019). Statistik Dadah 2019. <https://www.adk.gov.my/orang-awam/statistik-dadah>
- Ali Arab. (2015). The relationship between sensation seeking and risky behaviors in addicts. *International Research Journal of Applied and Basic Sciences*, 9(7), 1041-1043.
- Amar Singh, S. (2005). The rise of crime in Malaysia: An academic and statistical analysis. *Journal of the Kuala Lumpur Malaysia Police College*, 4, 1-28.
- Amirfakhraei, A., Taghinejad, N., & Sadeghifar, E. (2013). Relationship between risky driving behaviour and sensation seeking and sex among students of Islamic Azad University-Bandar Abbas, Iran. *Journal of Basic and Applied Scientific Research*, 3(3), 293-301.
- Barriga, A. Q., & Gibbs, J. C. (1996). Measuring cognitive distortion in antisocial youth: Development and preliminary validation of the “How I Think” questionnaire. *Aggressive*

- Behavior*, 22(5), 333-343. [https://doi.org/10.1002/\(SICI\)1098-2337\(1996\)22:5<333::AID-AB2>3.0.CO;2-K](https://doi.org/10.1002/(SICI)1098-2337(1996)22:5<333::AID-AB2>3.0.CO;2-K)
- Barriga, A. Q., Gibbs, J. C., Potter, G., & Liau, A. K. (2001). *How I Think (HIT) Questionnaire Manual*. Champaign, IL: Research Press.
- Barriga, A. Q., Landau, J. R., Stinson, B. L., Liau, A. K., & Gibbs, J. C. (2000). Cognitive distortions and problem behaviors in adolescents. *Criminal Justice and Behavior*, 27(1), 36-56. <https://doi.org/10.1177/0093854800027001003>
- Bartol, C. R. (2002). *Criminal Behavior: A Psychosocial Approach*. United States: Prentice Hall.
- Buker, H. (2011). Formation of self-control: Gottfredson and Hirschi's general theory of crime and beyond. *Aggression and Violent Behavior*, 16(1), 265-276.
- Callie, H. B., & Ronald L. S. (2013). Self-control, thrill seeking, and crime: Motivation matters. *Criminal Justice and Behavior*, 40(11), 1326-1348.
- Campbell, D. T. (1986). Relabeling internal and external validity for applied social scientists. In W. M. K. Trochim (Ed.), *Advances in quasi-experimental design and analysis* (pp. 67-78). San Francisco: Jossey-Bass.
- Chabrol, H., van Leeuwen, N., Rodgers, R. F., & Gibbs, J. C. (2011). Relations between self-serving cognitive distortions, psychopathic traits, and antisocial behavior in a non-clinical sample of adolescents. *Personality and Individual Differences*, 51(8), 887-892.
- Chereji, S.V., Pintea, S., & David, D. (2012). The relationship of anger and cognitive distortions with violence in violent offenders' population: a meta-analytic review. *The European Journal of Psychology Applied to Legal Context*, 4(1), 59-77.
- Clements, C., & Neal, T. M. S. (2017). *Research in criminal psychology*. Morgan, R. D. (eds.). The SAGE Encyclopedia of Criminal Psychology. Thousand Oaks, CA: SAGE.
- Cui, L., Colasante, T., Malti, T., Ribeaud, D., & Eisner, M. P. (2015). Dual trajectories of reactive and proactive aggression from mid-childhood to early adolescence: Relations to sensation seeking, risk taking, and moral reasoning. *Journal of Abnormal Child Psychology*, 44(4), 663-675.
- DeLisi, M., & M. G. Vaughn. 2016. Correlates of Crime. *Handbook of Criminology*, 1st Ed. A.R. Piquero, 18-36. West Sussex: John Wiley & Sons Inc.
- De Ridder, D. T., Lensvelt-Mulders, G., Finkenauer, C., Stok, F.M., & Baumeister, R.F. (2012). Taking stock of self-control a meta-analysis of how trait self-control relates to a wide range of behaviors. *Personality and Social Psychology Review*, 16(1), 76-99.
- Evans, P. (2017). *Challenging pro-criminal attitudes and behaviours of juvenile offenders*. Thesis Dr. Fal, Monash University, Victoria, Australia.
- Firestone, W. A. (1993). Alternative arguments for generalizing from data as applied to qualitative research. *Educational researcher*, 22(4), 16-23.
- Friehe, T., & Schildberg-Hörisch, H. (2017). Self-control and crime revisited: Disentangling the effect of self-control on risk taking and antisocial behaviour. *International Review of Law and Economics*, 49(1), 23-32.
- Gottfredson, M. R., & Hirschi, T. (1990). *A general theory of crime*. California: Stanford University Press.
- Grasmick, H. G., Tittle C. R., Bursik, R., & Arneklev, B. (1993). Testing the core empirical implications of Gottfredson and Hirschi's General Theory of Crime. *Journal of Research in Crime and Delinquency*, 30(1), 5-29.

- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. (2017). Statistik Banduan Belia Sabitan Mengikut Negeri. <https://ydata.iyres.gov.my/iyresbankdataV2/www/index.php?r=pub/home/readcontent4&id=251>
- Laird, R. D., Marks, L. D., & Marrero, M. D. (2011). Religiosity, self-control, and antisocial behavior religiosity as a promotive and protective factor. *Journal of Applied Developmental Psychology*, 32(2), 78-85.
- Malaysia. 2001. Akta Kanak-Kanak 2001. (Akta 611).
- Mills, J. F., Kroner, D. G., & Forth, A. E. 2002. Measures of Criminal Attitudes and Associates (MCAA): Development, factor structure, reliability and validity. *Assessment*, 9(3), 240–253.
- Mohammad Rahim Kamaluddin, Nadiah Syariani Md Shariff, Azizah Othman, Khaidzir Hj Ismail, & Geshina Ayu Mat Saat. (2015). Linking psychological traits with criminal behaviour: A review. *ASEAN Journal of Psychiatry*, 16(2), 135-147.
- Mohammad Rahim Kamaluddin, Nadiah Syariani Md. Shariff, Azizah Othman, & Geshina Ayu Mat Saat. (2013). Factorial validation of “How I Think” questionnaire among male inmates in Malaysia. *Malaysian Journal of Psychiatry Ejournal*, 22(2), 19-31.
- Mohammad Rahim Kamaluddin, Nadiah Syariani Md. Shariff, Siti Nur-Farliza, Azizah Othman, Khaidzir Hj Ismail, & Geshina Ayu Mat Saat. (2014). Personality traits as predictors of low self-control, aggression and self-serving cognitive disorder: A study among Malaysian male murderers. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 28(1), 36-50.
- Mohammad Rahim Kamaluddin, Nadiah Syariani M. S., & Geshina Ayu M. S. (2013). A unidimensional scale for self-control within Malaysian settings. *Educ Med J*, 5(4), e60-6.
- Mohd Hizam Hanafiah, & Zainah Shariff. (2019). Belia Ekstremis. Malaysia: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Kementerian Belia dan Sukan.
- Patton, J. H. (2012). *Sensation seeking. Encyclopedia of Human Behavior*, 2nd ed. V.S. Ramachandran, 359-365. San Diego: Academic Press.
- Rohany Nasir, Zainah Ahmad Zamani, Rozainee Khairudin, & Mohammad Rahim Kamaluddin. (2016). *Pengherotan Kognitif dan Pelbagai Isu Sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shukla, P., & Pradhan, M. (2015). Risk beliefs and sensation seeking as correlate of HIV risk behaviour across gender and locale. *Indian Journal of Health and Wellbeing*, 6(6), 541.
- SUHAKAM. (2017). Laporan Tahunan. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia.
- Zamani-Alavijeh, F., Niknami, S., Bazargan, M., Mohammadi, E., Montazeri, A., Ahmadi, F., & Ghofranipour, F. (2009). Accident-related risk behaviors associated with motivations for motorcycle use in Iran: a country with very high traffic deaths. *Traffic Injury Prevention*, 10(3), 237-242.
- Zuckerman, M. (1979). *Sensation seeking: Beyond the optimal level of arousal*. New York: Lawrence Erlbaum Associates.
- Zuckerman, M. (2015). *Sensation seeking: Beyond the optimal level of arousal*. London, New York: Psychology Press.